

## CONTOH LAPORAN NAZIRAN YANG BERKAITAN DENGAN PERKARA YANG TURUT DIBERI PERHATIAN PROSES SEMAK AO

Bil	Isu	Syor Naziran	Contoh Maklumbalas PTJ
1.	Perihal yang sepatutnya digunakan adalah tuntutan perjalanan tetapi dicatatkan tuntutan elaun lebih masa.	<p>PTJ hendaklah memastikan perihal bayaran adalah lengkap dan tepat dengan perolehan/ pembelian/ tuntutan sebenar yang dibuat. Perihal bayaran di Arahan Pembayaran adalah maklumat penting yang diperlukan oleh penerima bayaran bagi mengenalpasti sesuatu bayaran kerana 20 aksara pertama di perihal bayaran akan dipaparkan di Penyata Bank penerima bayaran.</p> <p>Rujuk SPANM 7/2018 Para 2.14 PTJ bertanggungjawab memastikan butiran bayaran berikut adalah tepat dan betul:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i.Kod Pegawai Pengawal</li> <li>ii.Kod Kumpulan PTJ &amp; PTJ</li> <li>iii.Pembayar dan PTJ Dipertanggung</li> <li>iv.Kod Vot/ Dana</li> <li>v.Kod Program/ Aktiviti/ Projek/.Kod Akaun</li> <li>vi.<b>Perihal Bayaran</b></li> <li>vii. Amaun yang dipertanggungkan</li> </ul> <p>Sila rujuk Surat Arahan (JANM) Rujukan ANM(OC)07/7 Jld. 6(24) bertarikh 10 Julai 2007.</p>	Butiran yang terkandung di ruang Kod Dipertanggung telah disemak dan menggunakan Kod Akaun yang betul dan hanya perihal sahaja yang didapati tidak menggunakan perihal yang sebenar.
2.	Perihal pada Arahan Pembayaran tidak dicatatkan no invois dan tarikh invois Penemuan : Kerja-Kerja Ubahsuai Ruang Pejabat di Bangunan Pentadbiran	<p>PTJ hendaklah memastikan perihal bayaran lengkap dan tepat dengan perolehan/ pembelian/ tuntutan sebenar yang dibuat. Perihal bayaran di Arahan Pembayaran adalah maklumat penting yang diperlukan oleh penerima bayaran bagi mengenalpasti sesuatu bayaran kerana 20 aksara pertama di perihal</p>	Ruang untuk mencatatkan perihal adalah tidak mencukupi dan ini menyukarkan untuk menyatakan perihal kerja

## CONTOH LAPORAN NAZIRAN YANG BERKAITAN DENGAN PERKARA YANG TURUT DIBERI PERHATIAN PROSES SEMAK AO

Bil	Isu	Syor Naziran	Contoh Maklumbalas PTJ
		<p>bayaran akan dipaparkan di Penyata Bank penerima bayaran. Rujuk SPANM 7/2018 Para 2.14 PTJ bertanggungjawab memastikan butiran bayaran berikut adalah tepat dan betul:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i.Kod Pegawai Pengawal</li> <li>ii.Kod Kumpulan PTJ &amp; PTJ</li> <li>iii.Pembayar dan PTJ Dipertanggung</li> <li>iv.Kod Vot/ Dana</li> <li>v.Kod Program/ Aktiviti/ Projek/.Kod Akaun</li> <li>vi.<b>Perihal Bayaran</b></li> <li>vii. Amaun yang dipertanggungkan</li> </ul> <p>Sila rujuk Surat Arahan (JANM) Rujukan ANM(OC)07/7 Jld. 6(24) bertarikh 10 Julai 2007.</p>	
3.	<p>Memastikan penggunaan CAA yang tepat (Kod Vot Dana, Pegawai Pengawal, Kumpulan PTJ, Program Aktiviti, Projek, Setia, Subsetia, CP, Kod Akaun, Indikator Potongan). Penemuan:- Penggunaan KOD CAA tidak tepat bagi <b>perkhidmatan terbang pokok.</b></p>	<p>Sila Rujuk SPANM 10/2017 Carta Akaun Asas Akruan, SPANM 7/2018 Para 2.14 PTJ bertanggungjawab memastikan butiran bayaran berikut adalah tepat dan betul:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i.Kod Pegawai Pengawal</li> <li>ii.Kod Kumpulan PTJ &amp; PTJ Pembayar dan PTJ Dipertanggung</li> <li>iii.Kod Vot/ Dana</li> <li>iv.Kod Program/ Aktiviti/ Projek</li> <li>v.<b>Kod Akaun</b></li> <li>vi.Perihal Bayaran</li> <li>vii.Amaun yang dipertanggungkan</li> </ul>	<p>Bayaran bagi perkhidmatan terbang pokok ini juga diluluskan tanpa kuiri ketika proses bayaran sedang dilakukan hingga ke peringkat Peraku 2. Sekiranya kod akaun ini tidak sesuai digunakan, pihak AO juga boleh membuat kuiri serta boleh memberi cadangan/syor untuk membuat transaksi jurnal bagi menukar kembali kod akaun yang salah kepada kod akaun yang betul untuk bayaran tersebut.</p>

## CONTOH LAPORAN NAZIRAN YANG BERKAITAN DENGAN PERKARA YANG TURUT DIBERI PERHATIAN PROSES SEMAK AO

Bil	Isu	Syor Naziran	Contoh Maklumbalas PTJ
4.	<p>Penggunaan Modul Invois Tanpa PT yang tidak tepat bagi bayaran elaun penceramah.</p> <p>Penemuan : Semakan mendapati pegawai merupakan kakitangan awam dan menggunakan kod pembekal 50XXXXX sewaktu membuat pembayaran .</p>	<p>Sila rujuk Surat Arahan Operasi yang dikeluarkan oleh Pejabat Perakaunan</p>	<p>Bayaran ini telah diluluskan oleh AO setelah diperaku I dan seterusnya diperakukan Peraku II. Sekiranya penggunaan modul Invois Tanpa PT ini tidak betul, pihak AO boleh kuiru untuk menukarkan modul bayaran tersebut kepada modul bayaran Pendapatan Bercukai. Namun, bayaran ini tidak mendapat sebarang kuiru daripada AO dan dianggap bayaran ini diluluskan dan diselesaikan dengan sempurna.</p>
5.	<p>Pembelian item dibuat bukan dari kalangan syarikat panel. Perihal Membekal Kabinet yang tersenarai sebagai perolehan hendaklah daripada syarikat panel.</p>	<p>Semua Agensi hendaklah menggunakan Kontrak Panel sepenuhnya dan tidak dibenarkan membeli dari punca lain. Mana-mana pengecualian hendaklah dipohon melalui Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan dan mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada BPK. Kementerian Kewangan atau Pegawai Kewangan Negeri mengikut mana yang berkenaan.</p> <p>Pekeliling Perbendaharaan PK 2.1, Para 3(e) adalah dirujuk.</p>	<p>Perolehan melibatkan <i>custom made cabinet</i> yang dibuat berdasarkan saiz dan ruang yang ada di pejabat. Jabatan beranggapan <i>custom made cabinet</i> boleh dibeli luar daripada kontrak panel.</p> <p>Pelan tindakan yang diambil adalah pegawai akan memastikan perolehan berkaitan dibuat dengan kontrak pusat sistem panel sahaja selepas ini.</p> <p>Teguran naziran diambil maklum pihak jabatan akan memastikan teguran sama tidak berulang.</p>